

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN  
[ NIBONG TEBAL ]**

**SOALAN**

**Dato' Mansor Bin Othman [ Nibong Tebal ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status kemajuan cadangan pembinaan terminal bas dan stesen teksi di Pekan Nibong Tebal Parlimen Nibong Tebal.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara syarat utama dalam pelaksanaan perlesenan terminal adalah:

- (a) Kesesuaian lokasi melalui perbincangan bersama dengan pihak berkuasa tempatan;
- (b) Keselamatan, perlindungan dan protokol pengguna dan semua pihak yang terlibat di terminal seperti penumpang, peniaga, pengusaha bas/Teksi, pengunjung dan lain-lain;
- (c) Kebolehcapaian atau rangkaian perhubungan ke/dari terminal dengan penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam pelbagai mod samada melalui jalanraya atau rel atau gabungan kedua-duanya; dan
- (d) Penyediaan maklumat dan sistem tiket bagi kemudahan penumpang dan pengusaha bus terutamanya.

2. Terdapat dua (2) kategori terminal iaitu terminal sedia ada dan terminal baru yang bakal dibina. Oleh yang demikian, pelaksanaan pelesenan terminal ini perlu dilakukan secara teliti dan berperingkat-peringkat. SPAD bertanggungjawab melesenkan terminal sedia ada dan terminal tersebut perlu memenuhi kriteria yang dinyatakan diatas.

3. Bagi setiap terminal baru yang akan dibina, SPAD adalah merupakan salah satu dari agensi utama yang memberi ulasan dan maklumbalas berhubung dengan kesesuaian lokasi, kemudahan dan ciri-ciri terminal. Ia bertujuan supaya terminal akan dibina memenuhi kriteria yang ditetapkan semasa proses rekabentuk. Walaubagaimanapun, SPAD tidak terlibat secara langsung dengan pembiayaan projek mana-mana terminal. Pembiayaan boleh dilaksanakan samada oleh pihak swasta, kerjasama awam swasta atau pembiayaan kerajaan sepenuhnya.

4. Bagi status pembinaan Terminal Bas dan Teksi Nibong Tebal, sehingga kini SPAD belum dimaklumkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai mengenai projek ini dan tiada sebarang permohonan Kebenaran Merancang berkenaan projek tersebut di hantar oleh mana-mana pihak untuk kelulusan.

Sekian, terima kasih.